

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 31 JANUARI 2022

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 2

OCabaran hidup gaji kurang RM2,500

Ramai anak muda miskin bandar hidup tertekan di ibu kota, terpaksa 'ikat perut' **Cabaran hidup gaji kurang RM2,500**

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PETALING JAYA – Kos sara hidup yang tinggi dan kenaikan harga barang ketika ini menjadi punca ramai anak muda yang bekerja di ibu negara dianggap sebagai miskin bandar selepas gaji bulanan yang diterima mereka tidak mencukupi untuk menampung kehidupan harian.


Lebih mengejutkan, rata-rata golongan muda turut mendedahkan mereka langsung tidak mampu membuat sebarang simpanan bulanan selepas gaji sekitar RM1,800 hingga RM2,500 sebulan habis digunakan untuk perbelanjaan harian dan menelakan segala komitmen.

Golongan bujang itu terpaksa membayar sewa rumah yang semakin mahal di ibu kota, bil utiliti, menanggung kos pengangkutan pergi balik kerja dan melunaskan hutang pinjaman bank serta pendidikan.

Berdasarkan had pendapatan kemiskinan (PGK) terkini, mereka berpendapatan sekitar RM2,208 sebulan dikategorikan sebagai miskin bandar berbanding angka sebelum ini iaitu RM980 sebulan.

Seorang kakitangan swasta, Effat Khuzairi, 29, ketika ditemui Kosmo berkata, kehidupannya di ibu negara mengalami kesukaran memandangkan gaji yang diterima gagal memenuhi peningkatan kos sara hidup yang semakin tinggi.

"Walaupun saya adalah lepasan ijazah sarjana muda, namun itu bukan jaminan untuk hidup senang di ibu kota, sebaliknya saya perlu akur dengan penawaran gaji cuma sebanyak RM1,800 sebulan demi kelang-



RAMAI anak muda di ibu kota mengalami tekanan perasaan akibat masalah kewangan. – GAMBAR HIASAN

sungan hidup.

"Selepas ditolak pemotongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), gaji yang diperoleh hanya RM1,500 dan jelas tidak mencukupi untuk menampung kehidupan selama sebulan di ibu kota," katanya semalam.

Menurutnya, gaji itu juga perlu digunakan untuk membayar beberapa komitmen lain seperti pinjaman kereta sebanyak RM360 sebulan, sewa bilik (RM300), bayaran pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (RM100) dan bayaran bil utiliti (RM150).

"Selepas ditolak duit yang diberikan kepada ibu sebanyak RM120 sebulan, baki di tangan saya ada RM570 sahaja. Bayang-

kan, bagaimana untuk saya hidup selama sebulan, lebih-lebih lagi di bandar besar," ujarnya.

Berpandangan sama, seorang lagi pekerja swasta, Rizaldi Amien, 32, menyifatkan dirinya terpaksa 'mengikat perut' setiap kali hujung bulan selepas duit gaji habis digunakan untuk membayar komitmen.

"Secara kasarnya, separuh daripada gaji akan digunakan untuk bayaran komitmen bulanan seperti rumah, kereta, bil telefon dan PTPTN, selepas itu bakinya baru untuk hal-hal lain.

"Bagaimanapun, setiap kali hujung bulan, saya terpaksa 'mengikat perut' kerana masalah kewangan. Wang simpanan sebelum ini juga hampir susut dan



MEREKA yang berpendapatan RM2,208 sebulan kini dikategorikan sebagai miskin bandar.

saya tidak lagi mampu untuk menyimpannya setiap bulan," ujarnya.

Rizaldi memberitahu, keadaan itu menyebabkan dia terpaksa membuat kerja sampingan seperti menjadi pemandu e-hailing pada hujung minggu bagi menjana pendapatan tambahan.

"Kalau bercakap tentang letih, saya memang penat, tidur pun kadangkala tidak cukup, tetapi saya tiada pilihan, sebab kos sara hidup di ibu kota memang tinggi dan gaji bulanan pun tidak mencukupi," ujarnya.

Sementara itu, seorang lagi anak muda, Nur Arina Amyra, 29, mengakui masalah kewangan yang dihadapi setiap bulan menyebabkan dia sering mengalami

tekanan perasaan.

"Saya ini ibarat bekerja untuk membayar komitmen sahaja, setiap bulan selalu tertekan dengan situasi seperti ini. Kalau berlarutan, tidak mustahil saya juga akan mengalami gangguan emosi yang teruk.

"Ketika ini pun kebanyakan harga barang terutama belakan bahan mentah makanan mengalami kenaikan. Restoran dan kedai makanan pun turut menaikkan harga.

"Saya amat berharap ada inisiatif yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti memberikan kupon pembelian barangan khususnya bagi membantu meringankan beban golongan seperti kami," rayunya.